

BAHAGIAN A: SOALAN ANEKA PILIHAN
PILIH JAWAPAN YANG PALING SESUAI DAN ISI JAWAPAN DI MUKASURAT 4

1. Apakah yang patut dilakukan pada setiap kelemahan yang ada pada individu?

- A** Kelemahan perlu dikembangkan
- B** Kelemahan perlu dipendam daripada pengetahuan orang lain
- C** Kelemahan perlu dikongsi bersama dengan orang lain
- D** Kelemahan perlu dibimbing, didorong dan diperbaiki

2. Pernyataan manakah yang benar tentang identiti diri?

- A** Gambaran keseluruhan tentang individu
- B** Potensi yang dimiliki oleh setiap individu
- C** Kebolehan yang dimiliki setiap individu
- D** Kelemahan yang ada dalam diri seseorang

3. Rakan yang baik adalah rakan yang

- A** Sentiasa menasihati untuk melakukan perkara yang baik
- B** Selalu mengeluarkan wang sakunya untuk belanja rakan-rakan
- C** Sentiasa bersetuju dengan ajakan rakan
- D** Selalu mengajak rakan-rakan yang lain untuk menonton wayang

4. Apakah tindakan anda sekiranya rakan mencabar anda melakukan kegiatan negatif?

- A** Menerima cabaran tersebut
- B** Mengajak rakan-rakan lain untuk menyahut cabarannya

C mengatakan tidak kepada cabarannya

D Mencabar rakan supaya dia terlebih dahulu melakukannya

5. Rakan Hamid telah mengajaknya untuk membuli murid yang baru mendaftar di sekolahnya. Hamid sepatutnya

- A** Menurut ajakan kawannya
- B** Bersetuju tetapi dengan mengajak rakan-rakan yang lain
- C** Menolak ajakan tersebut dan menasihati rakannya
- D** Bersetuju membuli tanpa menggunakan kekerasan fizikal

6. Selain daripada mendapat pengajaran, pembaca cerita rakyat dapat mengetahui _____ pelbagai kaum

- A** cara hidup
- B** kelemahan
- C** rahsia
- D** hiburan

7. Pada zaman dahulu, bagaimanakah cerita rakyat disampaikan?

- A** Dibaca daripada buku-buku
- B** diceritakan oleh penglipur lara
- C** diperdengarkan melalui rakaman kaset
- D** dipertontonkan dalam majlis-majlis

8. Antara berikut, yang manakah **bukan** merupakan ciri-ciri budaya sekolah berdisiplin?

- A** Ponteng sifar
- B** Kes salah laku yang sedikit
- C** Aktif dalam aktiviti kelab
- D** Ketepatan waktu

9. Antara berikut, yang manakah **bukan** merupakan cerita rakyat?

- A** Cerita mitos
- B** Cerita seram
- C** Cerita Lagenda
- D** Cerita kepahlawanan

10. Selain menyelitikan unsur-unsur hiburan, cerita rakyat juga

- A** menceritakan latar masyarakat
- B** menonjolkan kebaikan seseorang
- C** mendewasakan seseorang individu
- D** memberikan nasihat dan teladan

11. Apakah tujuan utama peraturan sekolah diwujudkan?

- A** Mewujudkan rasa hormat murid terhadap guru
- B** Memastikan murid beratur semasa di kantin
- C** Memastikan murid senyap
- D** Mewujudkan sekolah yang selamat dan harmoni

12. _____ akan menjejaskan hubungan harmoni antara satu sama lain.

- A** Perasaan tidak puas hati
- B** Perasaan sayang
- C** Perasaan tanggungjawab
- D** Perasaan hormat menghormati

13. Sistem pemilihan wakil rakyat mempunyai persamaan dengan _____ di sekolah

- A** pemilihan ketua kelas
- B** pemilihan guru kelas
- C** tindakan disiplin
- D** sistem peperiksaan

14. Sekiranya kita sentiasa saling membantu, kita akan _____

- A** dihina
- B** Dikutuk
- C** disukai

D ditindas

15. Alam sekitar yang bersih dan indah perlu dikekalkan demi kebaikan

- A** warga tua
- B** generasi akan datang
- C** pemimpin negara

16. Untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera, kita perlu

- A** mewujudkan kemesraan dengan jiran
- B** mengambil tahu semua urusan peribadi jiran
- C** memberikan tumpuan kepada hal-hal keluarga sahaja
- D** menceritakan keburukan jiran kepada orang lain

17. Pengetahuan moral dan didikan agama dapat membantu seseorang

- A** mendapat pekerjaan yang lebih baik
- B** mengawal perasaan dan tidak bertindak mengikut kata hati
- C** mengubah perangai dan tingkah laku orang lain
- D** mengetahui cabaran yang boleh mengancam dirinya

18. Sikap bersatu padu perlu diamalkan agar

- A** menjadi ikutan negara luar
- B** menarik minat pelancong luar
- C** mewujudkan persefahaman dalam masyarakat
- D** memudahkan tugas pasukan keselamatan

19. Apakah sikap yang perlu diamalkan oleh individu apabila hidup berjiran?

- A** Sentiasa berwaspada
- B** Bersikap buruk sangka
- C** bertegur sapa dengan sopan

D bersikap hipokrit

20. Apakah tindakan anda apabila rakan yang berlainan bangsa dan agama datang berhari raya ke rumah anda?

A menyuruh adik anda melayan mereka

B melayan mereka dengan ramah mesra

C meminta mereka pulang ke rumah

D bersikap dingin dengan kehadiran mereka

21. unsur teladan yang terdapat dalam cerita 'Nakhoda Tanggang' ialah

A kita perlu bijak mencari peluang untuk memperoleh kesenangan

B jangan bersikap derhaka kepada ibu bapa kerana b alasanya amat dahsyat

C jangan suka merendah-rendahkan kekurangan dan kelemahan orang lain

D sikap berpura-pura akhirnya akan mengaibkan diri sendiri

22. Apakah sikap paling penting untuk mewujudkan perpaduan dalam kalangan murid di sekolah?

A Pemurah

B Rajin

C Peramah

D Saling memahami

23. Antara berikut, perlakuan manakah dapat mengekalkan perpaduan kaum?

A Hidup secara bersendirian

B Mementingkan diri sendiri

C Bersikap sederhana dalam pergaulan

D Sukar bertolak ansur apabila berlaku masalah

24. Pemimpin dipilih oleh rakyat melalui

A Perwatakan

B lantikan

C pilihan raya

D kepetahan berucap

25. Pilih perlakuan yang menggambarkan sikap menghormati golongan kurang upaya

A Kee Hong mengajar rakan-rakannya cara mempertahankan diri

B Suria mendermakan sejumlah wang kepada mangsa perang di Lubnan

C Faiz menasihati adiknya agar tidak bermain di tepi jalanraya

D Hasrul memimpin tangan seorang lelaki yang cacat penglihatan melintas jalan

26. Semangat kejiranan yang diamalkan oleh masyarakat negara ini akan mewujudkan

A perbezaan

B perkauman

C keharmonian

D ketidaktenteraman

27. Bagaimanakah cara untuk memupuk kesedaran sivik?

A mewajibkan orang ramai menderma

B menampal iklan-iklan di perhentian bas

C mengadakan kempen-kempen kesedaran sivik

D mengikuti kelas Pendidikan Sivik di sekolah

28. antara berikut, pernyataan yang manakah menerangkan sikap diri yang positif?

A Usaha hanya di separuh jalan

B Mengalah tanpa usaha

- C** Berjuang hingga berjaya
- D** Mensia-siakan peluang yang diberi

29. Mengapakah kita perlu menghormati ibu bapa?

- A** mereka menjaga kita ketika sakit
- B** mereka telah membesarkan dan memberi didikan
- C** Mereka telah menyekolahkan kita
- D** Mereka sentiasa memberi wang saku

30. Apakah reaksi anda apabila dimarahi oleh ibu bapa?

- A** Mendingkan diri
- B** Menyimpan perasaan dendam
- C** Meminta maaf atas kesilapan yang dilakukan
- D** Menjawab kata-kata ibu bapa

KERTAS JAWAPAN OBJEKTIF

1.	6.	11.	16.	21.	26.
2.	7.	12.	17.	22.	27.
3.	8.	13.	18.	23.	28.
4.	9.	14.	19.	24.	29.
5.	10.	15.	20.	25.	30.

31. Antara berikut, manakah menunjukkan perbuatan seseorang anak yang tidak menjaga maruah keluarga?

- A** Menolong ibu mengemas rumah
- B** Menghabiskan masa di pusat membeli-belah
- C** Menolong ibu bapa berniaga
- D** Mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan

32. Apakah tujuan seseorang bapa keluar rumah mencari rezeki?

- A** Mencari kekayaan
- B** Menyara keluarga
- C** Menjaga maruah diri
- D** Membuatkan anak sayang kepada bapanya

33. Apakah bentuk sokongan yang boleh diberikan secara tidak langsung kepada rakan anda yang menyertai sesuatu pertandingan?

- A** Tenaga
- B** Kewangan
- C** Moral
- D** Fizikal

34. Yang berikut adalah peranan murid untuk menaikkan imej sekolah, kecuali

- A** Rajin mengulangkaji pelajaran
- B** Bekerja sambilan pada waktu sekolah
- C** Mematuhi peraturan sekolah
- D** Mengamalkan sikap toleransi

35. Apakah faedah murid melibatkan diri dalam aktiviti luar kelas?

- A** Mengisi masa lapang
- B** Menyihatkan badan
- C** Meluaskan pengalaman
- D** Menggembirakan hati

36. Karbohidrat memberi kita _____ untuk melakukan kegiatan harian

- A** kekuatan
- B** tenaga
- C** lemak
- D** makanan

37. antara berikut, pernyataan yang manakah menerangkan sikap diri yang positif?

- A** Usaha hanya di separuh jalan
- B** Mengalah tanpa usaha
- C** Berjuang hingga berjaya
- D** Mensia-siakan peluang yang diberi

38. Mengapakah kita perlu menghormati ibu bapa?

- A** mereka menjaga kita ketika sakit
- B** mereka telah membesarkan dan memberi didikan
- C** Mereka telah menyekolahkan kita
- D** Mereka sentiasa memberi wang saku

39. Antara berikut, yang manakah merupakan langkah mengatasi masalah ponteng sekolah?

- A.** mengambil kehadiran pada waktu pertama
- B.** Mengadakan perhimpunan pada waktu pagi
- C.** Mewajibkan pemakaian tag nama
- D.** Memberikan motivasi dan kaunseling

40. Pernyataan berikut menunjukkan sikap positif murid untuk meningkatkan keceriaan sekolah **kecuali**

- A.** Menggunakan tandas dengan betul
- B.** melukis corak mural di dinding
- C.** menjaga pokok bunga
- D.** menconteng dinding tandas

BAHAGIAN B

Tandakan (/) pada pernyataan yang benar dan (X) pada pernyataan yang salah.

1. Pengawas sekolah sahaja yang perlu menjaga nama baik sekolah
()
2. Setiap pertandingan yang melibatkan pasukan sekolah anda perlu diberikan sokongan moral
()
3. Persekitaran sekolah yang bersih dapat menjana pemikiran yang sihat
()
4. Penghayatan nilai murni perlu bagi murid yang mengambil mata pelajaran Pendidikan Moral sahaja
()
5. Menjaga imej sekolah ialah tanggungjawab pengetua dan guru semata-mata
()

6. Menjaga keselamatan sekolah ialah tanggungjawab anggota polis sahaja
()
7. Masyarakat setempat wajar untuk bersama-sama menjaga dan meningkatkan imej
sekolah
()
8. Sekolah adalah satu-satunya institusi untuk membentuk disiplin dan akhlak
murid ()
9. Murid yang gagal dalam peperiksaan akan mencemarkan nama sekolah
()
10. Semua murid perlu bersikap positif sama ada di dalam mahupun di luar
sekolah ()